

**TEKS UCAPAN
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM**

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA)
ANTARA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) DAN
SYARIKAT MEGATRAX PLASTIC INDUSTRIES SDN. BHD.**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**20 Mac 2024 / 11.00 pagi
Bilik Mesyuarat Utama UTeM**

Terima kasih pengacara majlis

Bismillahirrahmanirahim

SALUTASI

-Seperti di Lampiran

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur ke hadrat Allah S.W.T yang telah menganugerahi kita umur dan rezeki untuk berkumpul pada hari ini di **Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Syarikat Megatrax Plastic Industries Sdn. Bhd.**

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam**, pihak Megatrax Plastic Industries Sdn. Bhd. dan juga semua yang meluangkan masa untuk hadir bersama pada hari ini walaupun dalam kesibukan dengan urusan pekerjaan masing-masing.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian

3. Untuk makluman semua, majlis pada hari ini merupakan **manifestasi sokongan UTeM terhadap kepentingan hubungan antara universiti dengan pihak industri**. UTeM sangat menyokong dan mengalu-alukan penglibatan semua

pihak industri untuk mengadakan kerjasama bersama UTeM. Untuk makluman semua, UTeM telah menjalinkan **hubungan strategik bersama dengan lebih 100 industri** seperti Infineon, Texas Instrument dan lain-lain. Hubungan kerjasama yang telah dijalinkan ini diterjemahkan melalui hasil dan output yang telah diperoleh bukan di atas kertas semata-mata.

4. Saya secara peribadi dan UTeM secara amnya, sangat berbesar hati untuk mengalu-alukan penglibatan pihak Megatrax bagi melonjakkan manfaat untuk kebaikan semua pihak. Kerjasama strategik antara universiti dan industri ini mestilah **memberikan pulangan kepada kedua-dua pihak** tanpa

menjejaskan peranan universiti sebagai pusat keserjanaan dunia akademik yang berintegriti.

5. Namun begitu saya yakin, kolaborasi strategik antara UTeM dan Megatrax ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan akan memberi impak dan nilai tambah kepada kedua-dua pihak. Melalui MoA ini, UTeM dan Megatrax akan bekerjasama melalui pemindahan **kepakaran dan teknologi, penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang merangkumi bidang e-waste, perkongsian ilmu serta pemantapan amalan terbaik.**

6. Untuk makluman bersama, MoA ini adalah hubungan kerjasama bagi *matching grant* bernilai **RM120,400.00**, di

mana sejumlah RM60,200.00 daripada Megatrax Plastic Industries dan RM60,200.00 daripada UTeM bagi menjalankan projek yang bertajuk "**DEVELOPING A PROTOCOL TO CLASSIFY NON-HAZARDOUS E-WASTE AND GREEN-CONTROL MECHANISM FOR INTERNATIONAL WASTE TRADE**".

7. Hasil daripada MOA ini, sebuah manual baru penyedia penilaian sebagai panduan bagi Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Alam Sekitar akan dihasilkan. Penghasilan ini akan pasti meningkatkan kebolehlihatan dan pengiktirafan UTeM sebagai penyedia penyelesaian kepada Kerajaan.

8. Selain itu, UTeM akan mempunyai hubungan industri yang berkesan dan kukuh bersama Megatrax. Antara potensi kerjasama perniagaan pada masa depan bagi UTeM dan Megatrax adalah penghasilan Pusat Pengeluaran Percubaan Untuk Kemudahan Kitar Semula. (*Pilot Plant for Recycling Facilities*).

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

9. Untuk makluman bersama juga, kerjasama melalui MoA ini juga sejajar dengan **5 Teras Strategik** yang digariskan di dalam Pelan Strategik UTeM 2023-2025 yang beraspirasikan ‘Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan’ untuk menjadikan UTeM universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka

di dunia. Secara langsung ianya turut menyokong kepada landasan 10 Kementerian Pendidikan Tinggi dalam Meningkatkan Prestasi Kecemerlangan Pendidikan Tinggi Negara iaitu **'Institusi harus melakukan jalinan kerjasama bermakna dengan pihak industri'**.

10. UTeM percaya kerjasama antara UTeM dan industri merupakan satu intipati yang harus dititikberatkan terutama dari segi penyelidikan dan juga pengkomersialan. Melalui hubungan yang baik ini, dengan kepakaran yang diperoleh, UTeM akan sentiasa berusaha untuk menjadi penyelesaian masalah atau *solution provider* kepada industri dalam

memastikan pembangunan teknologi seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi.

11. Sesebuah universiti itu tidak akan mampu untuk membangun sekiranya ianya hanya berfokus kepada perkembangan teori dan berada di kelompok akademia sahaja. Sebaliknya, praktikal dan aplikasi dalam dunia nyata adalah sangat penting dalam memastikan segala informasi yang diperolehi dapat diutilisasi seterusnya diadaptasi dalam menyelesaikan segala masalah dan membangun inovasi.

Coming together is a beginning, staying together is a progress, and working together is a success.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada UTeM dan Megatrax dalam memeterai kerjasama yang amat bermakna pada hari ini dan diucapkan juga selamat maju jaya kepada semua.

Saya sudahi ucapan ini dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

